



**Subaidah**<sup>TM</sup>  
**Holding Sdn. Bhd.**

774336-K

## **Profil Syarikat**



## LATAR BELAKANG SYARIKAT

Bermula dengan penubuhan Restoran Nasi Kandar Subaidah pada tahun 1998, menjadi titik tolak Syarikat berkembang dan menjadi tarikan kepada penggemar makanan ala "Kandar" Pulau Pinang. Melihat kepada kapasiti pasaran serta permintaan yang tinggi, maka pemilik mengorak langkah untuk berdaya saing dengan menubuhkan Syarikat Persendirian Awam iaitu Restoran Nasi Kandar Subaidah (M) Sdn. Bhd. pada tanggal 28hb September 2000.

Dengan peningkatan ini, perniagaan Restoran Nasi Kandar Subaidah (M) Sdn. Bhd. Sdn Bhd telah mendapat tempat segmen pasaran makanan tempatan di Malaysia khususnya di Pulau Pinang. Sehubungan itu, pihak lembaga



pengarah Restoran Nasi Kandar Subaidah (M) Sdn. Bhd. mengembangkan aktiviti dengan menambahkan cawangan – cawangan diseluruh Pulau Pinang dilokasi yang strategik.

**SENARAI CAWANGAN RESTORAN :**

Cawangan	Tahun
Bagan Ajam	1998
Chain Ferry	1999
Sungai Dua	2000
Universiti Sains Malaysia	2004
Sempilai	2005



Dalam tahun 2001 (8hb. Ogos 2001) sebuah Syarikat lagi ditubuhkan iaitu Restoran Nasi Kandar Subaidah (Penang) untuk menjalani operasi di luar Pulau Pinang. Cawangan pertama di buka di Melaka dan mendapat tempat dikalangan pengemar makanan ala Pulau Pinang.

CAWANGAN RESTORAN DIBAWAH PENDAFTARANINI :

Cawangan	Tahun
MITC (Air Keroh)	2004
Hang Tuah Mall	2004
Klang (Bayu Perdana)	2006
Bdr.Sunway (Mentari Court)	2007
Kota Damansara	2008
Shah alam(Space u8)	2013



Dalam tahun 2007 Syarikat mengambil alih 1 cawangan dibawah pendaftaran Restoran Nasi Kandar Subaidah (SP) Sdn. Bhd. efektif 1hb. Januari 2007.

CAWANGAN TERSEBUT ADALAH SEPERTI BERIKUT :

Cawangan	Tahun
Sungai Petani	Dibuka pada 2003



Sehingga tahun 2007 Restoran Nasi Kandar Subaidah (M) Sdn. Bhd. mempunyai 5 cawangan disekitar Pulau Pinang dan Restoran Nasi Kandar Subaidah (Penang) Sdn. Bhd. menpunyai 7 cawangan iaitu Melaka, Kuala Lumpur dan Kedah.

Dalam tahun kewangan berakhir pada 2009 semua aktiviti rangkaian restoran telah dipindahmilik ke dalam Syarikat Subaidah Holding Sdn. Bhd.



## OPERASI



Syarikat dengan kapasiti tenaga pekerja sebanyak 440 menjalankan operasi perniagaan 24 jam 2 shif iaitu 7 ke 7 pagi dan malam serta 7 hari seminggu untuk menyediakan layanan yang terbaik dan selesa kepada pelanggan. Setiap cawangan di ketuai oleh seorang pengurus cawangan yang membuat laporan terus kepada pengarah dan pengarah urusan.

Untuk memastikan kelancaran operasi Syarikat menujuhkan pusat pembelian dan penyediaan bahan mentah iaitu barang beku, minuman dan lain – lain barang masak berpusat yang berdaftar dibawah Aathil Holding Sdn. Bhd.. Syarikat ini bertindak untuk membuat pegawasan dan pengawalan barang harian mengikut kadar keperluan dan ini secara langsung dapat memastikan produk yang segar dan mengurangkan pembaziran. Kawalan harga dan kos efektif produk dapat dikawal dibawah satu bumbung pengurusan. Penghantaran barang dilakukan secara harian untuk



cawangan di Pulau Pinang dan Sungai Petani 1 minggu sekali ke Melaka, Klang dan UUM. Pusat pemperosesan dan pembelian ini beroperasi dengan pekerja seramai 10 orang di kawasan bangunan semi industri Bagan Ajam yang dilengkapi dengan cold room berkapasiti 30 ton dan lori penghantaran sebanyak 3.



## PEMASARAN

Pihak pengurusan Subaidah sentiasa berusaha untuk maju dan berdaya bersaing dipasaran pemasaran makanan di Malaysia. Perancangan yang teliti lagi spesifik sentiasa dijalankan dari semasa ke semasa untuk memastikan Subaidah sentiasa berdaya saing dan mampu memberikan kepuasan kepada pelanggan.

Disamping mengawal kualiti makanan dan layanan Subaidah juga memperkenal produk baru dari masa ke semasa yang dapat menambah citarasa pelanggan. Tenaga pakar sentiasa dilatih dan diawasi oleh pihak operasi. Pemasaran semasa tertumpu kepada pelanggan peringkat pertengahan dan kebawah serta institusi kerajaan dan badan swasta. Promosi dijalankan dari semasa ke semasa melalui television, radio, suratkhabar, pemplat dan promosi barang di cawangan – cawangan. Terdapat aktiviti yang dijalankan bersama pihak kerajaan seperti Kementerian Pelancongan dan Kerajaan Negeri seperti Melaka dan Pulau Pinang.



## MAKLUMAT KORPORAT

No Pendaftaran Syarikat : 774336 - K

Alamat Ibupejabat : No 7088, Jalan Bagan Ajam,  
13000 Butterworth,  
Pulau Pinang.  
Tel : 04- 3231079 Fax : 04- 3236079

Tarikh pendaftaran : 22 May 2007

Modal Dibenarkan : RM500,000.00

Modal Berbayar : RM500,000.00



Pengarah Urusan : Datuk Abdul Aziz Abdul Razak

Pengarah : Rajaludin Datuk Abdul Aziz  
Jahabudin Datuk Abdul Aziz

Pemegang Saham : Datuk Abdul Aziz Abdul Razak  
Rajaludin Datuk Abdul Aziz  
Jahabudin Datuk Abdul Aziz

Juruaudit : Kuzaimi & Co.



Bank : Public Bank Berhad

CIMB Bank Berhad

Maybank Berhad



## PROFAIL PENGARAH-PENGARAH SYARIKAT



### Pengarah Urusan

Nama : Datuk Abdul Aziz Abdul Razak

No. Kad Pengenalan : 620322-07-5089

Beliau adalah pelopor Subaidah, yang merupakan seorang ahli koparat yang yang dinamik dan berfikiran luas dalam bidang perniagaan. Pengalaman beliau sejak kecil merupakan titik tolak untuk beliau melahirkan Restoran eksklusif era baru yang berjenama **Subaidah**. Antara pengalaman beliau adalah :-

- ❖ 1982 – Membuka gerai di Berapit (Bukit Mertajam)
- ❖ 1982 – Membuka restoran di Bukit Mertajam



- ❖ 1985 - Membuka Restoran di Bukit Mertajam
- ❖ 1987 – 1990 Menjalankan perniagaan di Keroh Baling
- ❖ 1990 – 1993 Memperkenalkan Nasi Kandar Di Singapura
- ❖ 1994 - Membuka Restoran di Kuala Lumpur
- ❖ 1994 - Membuka Restoran di Bukit Mertajam
- ❖ 1995 - Membuka Restoran di Prai
- ❖ 1997 - Memulakan Nasi Kandar Utama

Pengalaman ini memberi inspirasi dan keyakinan kepada beliau untuk megorak langkah lebih berwawasan keera baru industri Nasi Kandar. Kini merupakan Pengarah Urusan kepada 9 buah syarikat milik penuh beliau.



**Pengarah Kewangan dan Pemasaran**

Nama : Rajaludin Datuk Abdul Aziz

No. Kad Pengenalan : 880323 - 07 -5065

Kelulusan : Diploma In Business Admin

: B. Sc Computer Engineering

Beliau diberi tugas sebagai pengarah kewangan dan pemasaran. Urusan penyediaan serta pemantauan kewangan dan pemasaran dibantu dengan 2 orang pegawai.



**Pengarah Operasi**

Nama : Jahabudin Datuk Abdul Aziz

No. Kad Pengenalan : 880323 -07 -5073

Kelulusan : Diploma In Computing Studies

Selaku salah seorang pengarah syarikat yang diberi kepercayaan untuk menguruskan keseluruhan operasi Rangkaian Restoran, beliau diberi tugas memastikan perjalanan syarikat sentiasa berdaya saing dan mendapat tempat di pasaran. Beliau juga terlibat dalam pembangunan sistem perisian untuk keseluruhan aktiviti Syarikat.



## PENGURUSAN & KAKITANGAN SYARIKAT



Kesemua kakitangan peringkat pengurusan adalah terlatih, mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang pengurusan restoran, katering dan khidmat pelanggan. Mereka juga mempunyai pendedahan yang luas di dalam pengurusan restoran nasi kandar dan yang berkaitan. Kakitangan dan pekerja-pekerja peringkat operasi dan teknikal juga mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang masing-masing.

### Jumlah kakitangan dan Pekerja :

Pengarah & Pengurus	5 Orang
Penyelia & kerani	7 Orang
Pengurus Restoran	13 Orang
Pekerja Am	427 Orang



## STRATEGI DAN MISI KOPARAT

Untuk mencapai Visi Syarikat dan Objektif Syarikat, pihak pengurusan menganjurkan strategi untuk maju dan mengawal kualiti dalaman.

### Budaya Koparat

Syarikat juga telah menganjurkan budaya koparat tersendiri dalam proses untuk selaras dengan kehendak visi dan objektif Syarikat. Syarikat juga menjalankan kursus dalaman kepada staf untuk memastikan budaya koparat dipraktikkan. Antara piawaian – piawaian yang dititik beratkan adalah :

- ❖ Memastikan kualiti dan kebersihan penyediaan makanan
- ❖ Citarasa yang selari
- ❖ Masa hidangan yang pantas



- ❖ Kebersihan premis dan persekitaran yang sihat dan selesa
- ❖ Perwatakan dan kecerian staf yang konsisten

Piawaian ini dipastikan berjalan dengan lancar di bawah kepimpinan pengurus dan team penyelia yang membuat rondaan dari masa ke semasa. Polisi adalah penting memastikan Syarikat dengan slogan Restoran Keluarga anda di tepati sepenuhnya.

Syarikat sentiasa terlibat dengan penyelidikan dan pembangunan industri untuk terus kekal kompetatif dalam industri makanan. Untuk itu Syarikat juga mengadakan kumpulan thing tank iaitu pengurusan atasan dan konsultan dari masa ke semasa untuk lebih berdaya saing.




## KESIMPULAN

---

Sebagai sebuah Syarikat bumiputra yang berdaya saing dan lembaga pengarah yang dinamik Syarikat sentiasa melihat dan menkaji peluang – peluang untuk maju di masa hadapan. Ini juga termasuk pelaburan luar seperti Mekah, Madinah, Dubai dan Eropah dengan sistem dan menu yang dapat diterima masyarakat dunia amnya.

Lembaga pengarah sentiasa berwawasan dan cuba menepati agenda kerajaan untuk maju dan membantu usawan bumiputra.

# Cawangan-cawangan



# Cawangan Baru Shah Alam, Space U8 Mall



